

Perwakilan bahagian diminta tolak surat layang

BH - 3 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Khamis
- Perwakilan bahagian di-
minta menolak surat layang
yang mempersoalkan kepu-
tusan Majlis Tertinggi (MT)
Umno yang mengesyorkan
jawatan Presiden dan Tim-
balan Presiden parti tidak di-
pertandingkan dalam pemi-
lihan parti 11 Mei ini.

Setiausaha Agung Umno,
Tan Sri Khalil Yaakob ber-
kata, tindakan menyebarkan
surat seperti itu adalah dilarang,
walaupun ia tidak termasuk
dalam etika pemilihan yang
dihantar ke bahagian.

"Ibu pejabat Umno dibe-
ritahu ada pihak tertentu
menulis surat menyangkal
keputusan MT sebelum ini
yang mengesyorkan jawatan
nombor satu dan dua tidak
dipertandingkan.

"Saya berharap bahagian
tidak mengendahkan surat
seperti itu kerana keputusan
yang diputuskan MT dibuat
secara kolektif," katanya
pada sidang akhbar selepas
mengadakan pertemuan de-
ngan 13 Setiausaha Perhu-
bungan Umno Negeri, di sini
malam ini.

Khalil pada mesyuarat MT
Januari lalu mengumumkan
majlis itu sebulat suara me-
ngesyorkan supaya Datuk
Seri Dr Mahathir Mohamad
dicalonkan semula sebagai
Presiden Umno manakala
Datuk Seri Abdullah Ahmad
Badawi bagi jawatan Timba-
lan Presiden.

Keputusan MT dibuat ber-

dasarkan pendirian dan ke-
hendak ahli majlis itu, yang
sebulat suara mahu Dr Ma-
hathir terus memimpin par-
ti.

Khalil berkata, ibu peja-
bat melarang penyebaran
surat seperti itu yang pernah
digunakan pembangkang
dalam pilihan raya umum
lalu kerana ia memburukkan
imej pemimpin.

"Mereka yang diburukkan
pula tidak mempunyai masa
untuk menjawab balik segala
tuduhan yang dilemparkan
dalam tempoh singkat," ka-
tanya sambil menambah ca-
lon yang bertanding sepatut-
nya menjelaskan mengenai
hasrat dan matlamat mena-
warkan diri.

Khalil berkata, ibu peja-
bat berpuas hati dengan per-
jalanan mesyuarat cawangan
Umno kerana tidak sampai
satu peratus daripada 17,411
cawangan gagal mengadakan
persidangan.

Beliau berkata, berdasar-
kan laporan daripada semua
Setiausaha Perhubungan
Umno Negeri malam ini,
hanya sebahagian kecil yang
gagal mengadakan mesyua-
rat agung mengikut tarikh
ditetapkan.

Semalam, Jawatankuasa
Pengurusan Umno memutus-
kan bahagian yang memecat
ahli perlu mengadakan me-
syuarat cawangan bagi mem-
bolehkan mereka yang dipe-
cat secara tidak sah, meng-
hadirinya.